

NO SOALAN : 02

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian bagi meningkatkan bilangan pusat autisme di seluruh negara dan sejauh mana bantuan serta insentif yang diberikan kepada pengusaha swasta dalam usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Oktober 2024, terdapat sebanyak 33 buah Pusat Jagaan Autisme yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Manakala bagi pendaftaran Orang Kurang Upaya Masalah Pembelajaran bagi kategori Austime bagi tempoh yang sama pula adalah seramai 65,191 orang.

2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum bahawa perkadaran nisbah di antara bilangan OKU autisme berdaftar berbanding bilangan pusat autisme di seluruh negara di bawah kendalian JKM atau agensi Kerajaan yang lain tidak mencukupi. Justeru, Kerajaan sentiasa cuba melaksanakan inisiatif yang dapat memberi sokongan perkhidmatan ini dari semasa ke semasa.

3. Di pihak KPWKM, beberapa insiatif telah dilaksanakan bagi merapatkan jurang penawaran dan permintaan terhadap perkhidmatan dan sokongan autisme ini, termasuklah kerjasama dengan komuniti serta badan-badan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK), antaranya ialah:
 - i. **Program Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)**
Pada ketika ini terdapat, sebanyak 573 buah PDK sedang beroperasi di seluruh negara. Sehingga September 2024, seramai 19,907 OKU sedang menerima perkhidmatan PDK di seluruh negara 2024. Kerajaan menyalurkan bantuan untuk meringankan beban kos pengoperasian PDK ini. Manakala semua pelatih OKU

juga mendapat elauan di PDK sebanyak RM300 sebulan. Pada tahun 2024 sahaja, sehingga bulan September, sebanyak RM137.4juta bantuan kewangan telah disalurkan demi manfaat kesemua PDK di seluruh negara.

ii. Perkhidmatan TASKA OKU

Pada masa ini, Kerajaan telah bekolaborasi dengan PSK untuk menubuhkan 11 buah TASKA OKU bagi enam (6) kategori kanak-kanak OKU, merangkumi Sindrom Down, Autisme, Penglihatan, Pendengaran, Fizikal dan Masalah Pembelajaran. Sebagai galakan dan sokongan untuk lebih ramai pihak serta PSK menubuhkan dan mengoperasikan TASKA OKU di seluruh negara, KPWKM menerusi JKM ada menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha TASKA OKU, iaitu:

- (i) Bantuan Kewangan Penubuhan sebanyak RM500,000; dan
- (ii) Bantuan Kewangan Operasi

iii. Kerjasama strategik dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Dalam usaha meningkatkan bilangan pusat yang memberi perkhidmatan autisme di seluruh negara, JKM telah menyalurkan geran bantuan kewangan kerajaan kepada Persatuan Kebangsaan Autisme Kebangsaan (NASOM). Menerusi NASOM, pelbagai perkhidmatan sokongan, program intervensi, pusat sokongan pendidikan, dan kemudahan pendidikan vokasional ditawarkan di 15 cawangan mereka di seluruh Malaysia. Dari tahun 2020 sehingga tahun ini, sejumlah RM5.78juta telah disalurkan kepada NASOM bagi tujuan tersebut.

4. Sementara itu, sukacita dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2025 antara lain telah mengumumkan peruntukan RM5juta untuk membangunkan Pusat Perkhidmatan Autisme dan RM15juta bagi Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme. In sya Allah, KPWKM akan memperincikan perancangan ini dalam sedikit masa lagi dan dengan sokongan semua, kita usahakan demi yang terbaik.
5. Usaha dan sokongan bagi perkhidmatan program intervensi dan rehabilitasi untuk autisme adalah bersifat rentas kementerian dan memerlukan pelbagai kepakaran dan sokongan. Pendekatan ini perlu bagi memastikan sokongan yang diberikan adalah bersifat holistik dan menyokong ke arah perkembangan, kesamarataan hak dan peluang serta penyertaan aktif OKU autisme.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian merancang untuk melaksanakan audit tahunan pusat penjagaan anak bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan pengusaha TASKA mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]. Bidang kuasa JKM adalah membuat pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA dan perkara berkaitan dengannya demi menentukan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak.
2. Bagi memastikan TASKA berdaftar sentiasa mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan, KPWKM melalui Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan, sama ada secara mengejut atau berkala ke atas TASKA berdaftar bagi tujuan:
 - i. Memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin;
 - ii. Memastikan TASKA yang berdaftar mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh JKM dan mematuhi Akta 308 serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.
3. KPWKM juga sedang membangunkan satu kaedah penilaian kendiri oleh pengusaha TASKA. Penilaian kendiri ini akan menjadi pengukur kepada tahap keberkesanan perkhidmatan yang diberikan dan mengenalpasti sama ada mematuhi piawaian atau masih perlu diperbaiki. Penilaian kendiri ini akan menjadi mekanisme penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan pengoperasian TASKA menjadi lebih konsisten dan tekal dalam semua aspek termasuk keperluan keselamatan, kesihatan dan kebajikan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.